

Manathir: Ada pihak ajar anak2 buat fitnah

ALOR SETAR. Khamis — Timbalan Perdana Menteri (Dato Seri Dr. Mahathir Mohamed berkata, ada golongan yang menyuruh kanak-kanak supaya bertindak liar terhadap orang lain.

Katanya, orang-orang ini mengajar kanak-kanak membuat fitnah terutamanya kepada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Sekolah Padang Terap 30 batu dari sini semalam.

"Saya khuatir tindakan golongan ini kerana ia boleh mendatangkan akibat yang buruk khususnya kepada orang Melayu sendiri."

Menurutnya, perbuatan mereka itu hanya boleh memecah-belahkan perpaduan dan men-

jadikan masyarakat Melayu dua puak yang akan membawa akibat kerugian kepada masyarakat Melayu sendiri.

Katanya, ada golongan yang lain telah menganggap pelajaran mengenai ilmu keduniaan adalah tidak penting dipelajari oleh anak-anak Melayu.

Menghalang

Tindakan mereka ini,

ujarnya telah menghalang dan membantutkan usaha Kerajaan untuk memberi beberapa pelajaran kepada seberapa ramai anak-anak Melayu yang dahulunya ketinggalan dari bangsa lain.

Beliau berharap ibubapa dan murid-murid tidak terpengaruh dengan dakyah-dakyah jahat itu yang bertujuan untuk kepentingan politik mereka sahaja.

"Tindakan mereka itu sebenarnya adalah mengkhianati bangsa sendiri dalam usaha mendapatkan ilmu pengetahuan," katanya.

Beliau mengingatkan hanya menerusi pelajaran sahaja nasib orang-orang Melayu dapat diubah dan ditingkatkan ke taraf yang sewajarnya.

Menurutnya, usaha Kerajaan di dalam bidang pelajaran telah berjaya menghasilkan ramai anak-anak Melayu yang berkelulusan tinggi dalam berbagai lapangan.

Katanya, Kerajaan telah mengadakan peruntukan yang besar bagi pelajaran dalam usaha memperbaiki keadaan hidup orang Melayu.

Beliau menegaskan usaha Kerajaan meningkatkan taraf hidup orang-orang Melayu tidak bermakna Kerajaan mengempikan kepentingan orang-orang lain.

Beliau berkata, Kerajaan terus berusaha mengsambangkan kedudukan orang Melayu dengan bangsa lain di negara ini.